

19/09/1998

Anwar penting diri sendiri

LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim membabitkan diri dengan DAP menunjukkan bekas timbalannya itu hanya memementingkan diri sendiri.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu juga membuktikan Anwar tidak setia kepada Umno dan kerana itu penyokongnya nanti akan kecewa serta meninggalkan beliau.

"Ia menunjukkan di mana letaknya kesetiaan Anwar.

"Kalau orang yang betul-betul Umno, dia tidak sertai parti lawan. Tetapi nampaknya dia lebih mengutamakan kepentingan diri dia.

"Bila nampak dia tidak ada sokongan daripada Umno, dia lari pada parti lawan.

"Saya percaya ahli Umno akan kecewa dan tidak mengikutnya," kata Dr Mahathir mengulas tindakan Anwar menggunakan pentas DAP untuk berceramah di Kajang dua hari lalu.

Dr Mahathir ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi selepas menyaksi dan menyampaikan pingat acara menembak KL '98, di Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi, di sini.

Ditanya apakah tindakan Anwar itu menyebabkan penyokongnya kecewa, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, ahli yang benar-benar setia kepada Umno akan meninggalkan Anwar.

"Anwar sekarang sudah babitkan dirinya dengan DAP...bukan pun Pas, tetapi DAP iaitu parti yang tidak boleh diterima sama sekali oleh Umno," katanya.

Perdana Menteri berkata, Anwar tidak mempunyai prinsip kerana menggunakan kedudukannya ketika dalam kerajaan sebelum ini untuk mengkritik kerajaan sekarang.

"Jika kita kata sesuatu itu salah, kita tidak sepatutnya kata ia salah jika dilakukan terhadap kita...jika dilakukan terhadap orang lain tidak salah.

"Dan kita dapat lihat dengan jelas bahawa dia menggunakan sepenuhnya kedudukan dalam kerajaan untuk mengkritik kerajaan iaitu apa yang pernah dikatakannya kepada orang sebelum ini," katanya.

Mengenai ramai orang yang menghadiri ceramah Anwar, beliau berkata kemungkinan mereka berada di situ kerana sifat ingin tahu atau keliru.

"Akhirnya apabila mereka dapati apa yang benar, mereka akan bertindak mengikut apa yang benar," katanya.

Dr Mahathir tidak nampak peluang Anwar untuk kembali ke pangkuan Umno melalui perbuatannya yang cuba mendapatkan sokongan melalui cara demonstrasi kerana parti itu tidak bergantung kepada demonstrasi umum untuk mendapatkan sokongan.

Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak memberitahu bekas timbalannya itu mengenai rancangannya untuk bersara tahun ini yang sudah diumumkan baru-baru ini.

"Keputusan itu saya sendiri buat dan saya berjanji pada diri sendiri," katanya.

(END)